

**Muhyiddin berucap pada sidang kemuncak nuklear
Utusan Online
27 Mac, 2012
Oleh BORHAN ABU SAMAH**

SEOUL 27 Mac - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berucap pada Sidang Kemuncak Mengenai Keselamatan Nuklear selepas beliau dan 53 peserta makan tengah hari bersama-sama termasuk Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama.

Para pemimpin dijangka menyatakan komitmen bersama terhadap usaha memerangi pengganas nuklear dan menggunakan teknologi itu untuk keamanan sejagat.

Selain itu para pemimpin berkenaan juga membincangkan langkah yang harus diambil bersama bagi mengelak bahan nuklear jatuh ke tangan pengganas.

Pada sebelah petang Muhyiddin akan bertemu wartawan Malaysia bagi menjelaskan pendirian Malaysia mengenai isu tersebut.

Pada sebelah malam beliau akan menghadiri makan malam bersama-sama para pemimpin lain yang dihoskan oleh Presiden Korea Selatan, Lee Myung-bak dan isteri Kim Yoon-ok.

Muhyiddin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman akan berlepas pulang ke tanah air pada tengah malam ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0327&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_09.htm